

Drama Islam:

Gugurnya Srikandi Al-Jazā'ir

Oleh: Bik Shānidā Al-Kafrāwī

Setelah beberapa ketika ruangan “Drama Islam” ini kami tiadakan maka banyaklah kami menerima surat-surat dari para pembaca dan peminat-peminat majalah Qalam meminta supaya ruangan ini diadakan kembali. Maka untuk memenuhi permintaan mereka itu mulai dari bilangan ini ruangan “Drama Islam” yang disukai ramai ini kami adakan semula. Oleh kerana kisah ini menceritakan perjuangan salah seorang srikandi al-Jazā'ir, maka sengaja kami siarkan di ruangan “alam wanita”.

Cerita ini kami terjemahkan dari kisah yang berjudul: *Lā lā...Khadījah!* yang dipetik dari majalah “*al-Waṭ al-Islām*”. Untuk menyesuaikan jalan ceritanya maka tajuk asal kisah ini kami tukar dengan tajuk di atas. – Pengarang.

[Terjemahan: Abdul Aziz al-Murshidi]

Pendahuluan:

“Dari rentakan gendang yang mendayu-dayu, dari hentakan kaki kuda yang menari, dari dencingan senjata pahlawan yang sering berlaga dan dari dengungan anak panah yang terlepas dari busarnya. Maka orang-orang dari benua Eropah ingin bersemenda di benua Timur.

Dari kawahnya yang besar, dari timbunan kayu-kayu api yang menyala dan dari tukang masaknyanya yang berkulit hitam, maka tergambarlah di khayalan otak orang-orang Eropah bahawa penghuni benua Asia dan Afrika adalah sejenis manusia yang memakan daging manusia!

Orang-orang Eropah telah lupa atau sengaja mereka lupai bahawa setiap fikiran dan ilmu pengetahuan yang mereka agung-agungkan di dalam kehidupan-kehidupan mereka sehari-hari pada hari ini adalah dibawa

dan dipersembahkan kepada mereka oleh manusia yang datang dari benua Asia dan Afrika. Fikiran-fikiran yang bermutu dan ilmu pengetahuan yang bernilai mereka bawa dari benua Asia dan Afrika ke benua Eropah dengan melalui terusan yang dinamakan “Terusan Tāriq” iaitu nama salah seorang pahlawan Islam kedua-dua benua yang besar itu – iaitu Tāriq bin Ziyād.

Di dalam suasana kegelapan dari kejahatan yang mengelubungi seluruh benua Eropah datanglah cendekiawan-cendekiawan dan cerdik-cerdik pandai dari benua Asia dan Afrika menyulahi mereka dengan memasangkan di sekeling mereka lilin-lilin ilmu pengetahuan untuk menerangi masyarakat mereka yang hidup di alam kejahatan yang gelap-gelita, hingga terselamatlah mereka keluar dengan mendada dari lembah kejahatan menuju ke pintu gerbang ilmu pengetahuan yang terang

bercuaca. Tetapi memang sudah dasar mereka itu tidak mengengang budi, setelah batang jolok ilmu pengetahuan yang didatangkan dari benua Asia dan Afrika itu berada di tangan mereka, maka perasaan fanatik perkauman pun mulai menyala-nyala di hati sanubari mereka. Mereka menganggap bahawa mereka lah suatu bangsa yang tertinggi damai pada ini. Mereka memandang rendah terhadap orang-orang Asia Afrika yang dahulunya pernah menjadi guru mereka dan membimbing mereka keluar dari jurang kejahatan menuju ke alam ilmu pengetahuan, kini mereka memandang jijik segala sesuatu yang datangnyanya dari benua orang-orang yang berkulit warna.

Peperangan yang sedang bergolok sekarang di bumi Palestin dan negeri-negeri yang disekitarnya adalah tercetus dari perasaan fanatik perkauman yang datangnyanya

Gugurnya Srikandi...

dari benua barat, ia kembali kepada roda perputaran sejarah sejak 10 abad yang silam di mana berlakunya pertempuran-pertempuran sengit di antara manusia timur dengan manusia barat, yang mengorbankan jiwa yang bukan sedikit dan menumpahkan darah bak sungai mengalir. Itulah dia peperangan “salib” yang punca terketusnya peperangan itu timbul dari perasaan fanatik antara agama yang dianuti oleh orang-orang Eropah di benua barat dengan agama yang dianuti oleh orang-orang Arab di benua Asia dan Afrika. Dengan peperangan itu ternodalah kemuliaan salib. Tercemarlah pengajaran-pengajaran suci yang dibawa oleh Nabi ‘Isā ‘*alayhi al-salām*. Kerana peperangan itu dimulakan oleh orang-orang yang menganuti agama salib. Merekalah yang lebih dahulu menumpahkan darah orang-orang Arab yang menganuti agama Islam, dengan tujuan untuk merampas hak mutlak kepunyaan orang-orang muslimin, menodai tanah air mereka dan menginjak-injak bumi suci Islam dengan tapak kaki mereka yang bergelimang dengan kecemaran. Mereka belum merasa puas hati selagi dua buah kota suci keagungan Islam (Makkah al-Mukarramah dan Madinah al-Munawwarah) dapat mereka kuasai. Tetapi cita-cita mereka yang seburuk itu gagal. Setelah gagalnya tentera-tentera salib hendak merampas bumi Arab dari tangan tentera-tentera Islam, maka kembalilah mereka ke benua barat dengan membawa kekalahan yang memalukan seluruh penganut-penganut agama salib.

Untuk menebus malu dan membalas dendam yang tak kunjung padam, roda perputaran sejarah lama berulang lagi.

Api peperangan yang dimulakan oleh tentera salib kembali berulang di zaman pemerintahan al-‘Uthmāniyyin. Perjuangan-perjuangan sengit terus berlaku dari rumah ke rumah hingga ke pinggir Sungai Danub. Akhirnya sekali lagi mereka kembali membawa kegagalan.

Pada hari ini sekali lagi putaran sejarah kembali berulang. Manusia barat kembali menyerang tanah suci Islam, tetapi pada kali ini mereka tak berani datang sendiri. Mereka utus bonekanya “orang Yahudi” merampas bumi Palestin hak mutlak kepunyaan orang-orang Islam. Buat sementara ini mereka menang, cita-cita mereka berhasil. Tetapi perjuangan-perjuangan belum tamat. Pertempuran-pertempuran terus menerus masih berlaku. Kekuatan tentera-tentera Islam terus diperhebat. Peperangan antara kafir dengan Islam kembali bergolak.

Buat sementara waktu marilah kita tinggalkan bumi Palestin dengan pergolakannya menuju ke benua Afrika untuk mengulang kaji sejarah perjuangan rakyat al-Jazā’ir menentang pencerobohan-pencerobohan kejam yang dilakukan oleh bangsa Perancis penghuni benua barat yang menganut agama salib. Sejarah ini sengaja kami tulis. Dengan menggunakan skrip dan dialog berbentuk sandiwara, supaya kisah sejarah moden yang benar-benar berlaku di abad yang kedua puluh ini dapat diikuti oleh para pembaca dengan mudah dan senang.

Babak Yang Pertama

Tempat: Di suatu kawasan padang pasir yang dipenuhi dengan bukit-bukit batu pejal berhampiran dengan Gunung Atlas yang tinggi mengawan. Di kemuncak Gunung Atlas itu didapati sebuah gua kecil yang dinamakan gua “*Lā Lā... Khadījah*”. Yang dimaksudkan dengan nama Khadījah itu ialah Sīfī Khadījah binti Khuwaylid isteri Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*.

Para pelakon lelaki: Razaq al-Bashīr - ‘Abidūn – Bin Mahdi al-‘Arabi - dan lain-lain...

Para pelakon wanita: Zahrah – Redā - Amīnah ...

(Suara hembusan angin yang mengandungi debu-debu padang pasir kedengaran hebat bergemuruh memukul kemuncak Gunung Atlas... kemudian sedikit demi sedikit beransur kurang hingga merupakan hembusan angin bayu yang lembut mendayu-dayu).

* * *

Razaq al-Bashīr: (Dengan suara berbisik hampir-hampir tidak kedengaran). “Wahai pemuda... peganglah tali kamu kuat-kuat dan berhati-hatilah... lagi lima minit fajar subuh akan menyinsing... kita mesti sampai ke kemuncak gunung “*Lā Lā... Khadījah*” sebelum cahaya fajar menyinsing alam.” (Suara gemuruh dari pemuda-pemuda kedengaran dengan serentak: “*Lā Lā Khadījah – Lā Lā... Khadījah – Lā Lā... Khadījah*” – semakin lama suara itu semakin menghilang hingga lenyap daripada pendengaran).

Gugurnya Srikandi...

Suara lain: (Bunyi nafas manusia termengah-mengah dan bunyi hentakan kaki mendaki gunung.. sejurus kemudian kedengaran bunyi senapang dan peti-peti bekalan diletakkan di atas bumi).

Razaq al-Bashīr: “Ayuh pemuda!... Mari kita bawa senjata dan peti-peti bekalan ke dalam gua tempat persembunyian sebelum tibanya kapal terbang-kapal terbang pengintip musuh mengesan perjalanan kita!” (Kemudian kedengaran suara-suara berbisik-bisik diiringi dengan bunyi barang-barang dipindahkan).

Razaq al-Bashīr: “*Al-ḥamduli ‘Lāh* selamat! .. sekarang mari kita sembahyang subuh beramai-ramai!” (senyap sejenak). “*Allāh Akbar*”.

Muzik: (berirama padang pasir, lembut mendayu-dayu)

Suara serentak: “*Al-salām ‘alaykum wa rahmatu Allāh.. Al-salām ‘alaykum wa rahmatu Allāh.*”

Razaq al-Bashīr: “Wahai pemuda!.. Umurku telah meningkat enam puluh tahun, tetapi aku rasa kesihatan dan kecergasanku tidak kalah dengan seorang pemuda yang berumur dua puluh tahun.. ini gunung (al-jurjurah) yang terbina dari batu-batu pejal, seolah-olah satu bahagian daripada anggotaku, atau anggotaku satu bahagian daripadanya.. tinggi mengawan.. suci.. teguh.. sentiasa tegak mengangkat kepalanya.

‘**Abidūn:** “Beristirehatlah sebentar wahai bapa Razaq! Saya akan mengemukakan beberapa pertanyaan tentang sejarah gunung sakti ini. Mengapa kemuncaknya dinamakan “*Lā Lā.. Khadījah?*”

Razaq al-Bashīr: “Engkau pergilah berehat dahulu wahai ‘Abidun! Nanti selepas sembahyang Zohor turunlah ke kaki gunung dan tunggulah ketibaan Amīnah, Zahrah dan Reḍā yang akan membawa bekal makanan untuk kita. Adikmu Aminah akan menyampaikan maklumat-maklumat perjuangan yang telah dicurinya dari musuh.”

Bin Mahdī: Sungguh bersih dan nyaman udara di kemuncak gunung ini, ia menyegarkan tubuh dan menguatkan semangat kita untuk terus berjuang. Kata-kata bapa yang menceritakan kisah perjuangan kita dan menggambarkan riwayat perjuangan yang telah dilaksanakan oleh datuk nenek kita di zaman yang lampau itu, sungguh menarik dan menambahkan semangat perjuangan menggempurkan musuh kita yang datang dari benua barat itu.”

Razaq al-Bashīr: Bagus..bagus wahai teman-teman seperjuangan! Ada pun kisah “*Lā Lā.. Khadījah*” itu adalah diceritakan oleh guruku Abd al-Ḥamid bin Bādīs ..diberkati Allah kiranya roh beliau.”

Suara ramai: “Allah mencucuri rahmat ke atasnya.”

Razaq al-Bashīr: “Ya..dialah seorang guru agama yang sentiasa menanamkan semangat perjuangan dan keimanan ke dalam jiwaku di waktu aku belajar

di persatuan ulama yang diasaskan olehnya sendiri, di sanalah ia mengorbankan tenaga, harta dan jiwa raganya. Tetapi hasil dari pengorbanannya itu tidaklah sesia. Setelah ia wafat ia meninggalkan beratus-ratus para mukmin yang berjiwa Islam tulen.. ia pernah mengatakan kepada kami; ‘orang-orang Arab sewaktu mereka tiba ke negara ini, mereka telah mendaki ke atas kemuncak gunung ini untuk mengibarkan sehelai bendera Islam yang mereka bawa dari negeri mereka. Bendera itu adalah sehelai bendera yang bersejarah yang pernah dikibarkan oleh ‘Aqabah bin Nāfi’ - seorang panglima Islam – di medan pertempuran melawan tentera-tentera Barbari di Qayrawan. Menurut sejarah bendera itu adalah salah satu bendera yang pernah dikibarkan di medan perang melawan kafir musyrikin di zaman Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam.*”

Suara ramai: “*Allāhumma ṣallī wasallim ‘alayhi.*”

Razaq al-Bashīr: (menyambung ceritanya): “Para pejuang di zaman silam pernah memacakkan bendera lambang perjuangan mereka di atas kemuncak gunung ini dan lantas menamakan gunung ini dengan nama Ummu al-Mu’minīn Khadījah *raḍīya Allāhu ‘anhā.* Sampai sekarang kemuncak gunung ini dinamakan: ‘*Lā Lā Khadījah.*’”

‘**Abidūn:** Oh kalau begitu : ‘*Lā Lā.. Khadījah*’ itu ertinya ‘Saiyidatina Khadījah?’”

Razaq al-Bashīr: “Begitulah menurut sejarah.”

Gugurnya Srikandi...

'**Abidūn**: "Alangkah kuatnya semangat pejuang-pejuang di zaman silam mendaki gunung ini untuk meletakkan lambang perjuangan Islam di atas kemuncaknya!"

Razaq al-Bashīr: "Bukan hanya gunung ini sahaja yang mereka naiki,

tetapi kemudiannya mereka telah pernah mendaki kemuncak gunung Alp

(Alpes) dan mereka menjadi penghuni gunung yang tinggi itu

selama di lapan puluh tahun serta menguasainya. Kemuncak gunung Alp

yang diselubungi oleh salji jauh lebih tinggi dari gunung ini.."

'**Abidūn**: "Adik saya Aminah

sering mengajarkan riwayat hidup

Saiyidatina Khadījah kepada murid-muridnya, daripada sifat-sifat kesabaran dan

keteguhan imannya mengilhamkan

puteri-puteri al-Jazā'ir bersifat yang

demikian itu. Buktinya ia

sanggup hidup menderita

di samping Rasulullah di bawah

penindasan orang-orang *kuffār* Quraysh

selama tiga tahun di lereng-lereng

bukit batu di kota Makkah, sedang

usianya pada masa itu telah

meningkat enam puluh tahun."

Razaq al-Bashīr: "Ahli-ahli sejarah

kita lebih banyak menulis sejarah

perjuangan pahlawan-pahlawan Islam lelaki,

sedang perjuangan-perjuangannya yang telah

dilaksanakan oleh srikandi-srikandi

Islam demi menegakkan hak dan

kebenaran hampir-hampir mereka lupakan.

Tetapi datuk nenek kita di zaman

silam tidak pernah melupakan

jasa-jasa mereka itu."

'**Abidūn**: "Kami ingin pula mendengar dari bapa kisah Saiyidi 'Aqabah bin Nāfi'."

Razaq al-Bashīr: "Akan aku ceritakan

semuanya kepada kamu dan juga

kisah srikandi-srikandi Atlas sebelum

Islam yang telah berjuang mati-matian

menyerang kerajaan Roman.. dan

sekarang kita berehat sebentar."

(Kedengaran suara hembusan angin

yang membawa irama lagu "*Lā Lā...*

Khadījah")

Babak Yang Kedua

Suara: (Dari jauh sayup-sayup

kedengaran suara siulan yang luar

biasa).

Suara wanita: "Zahrah.. Zahrah!

Adakah saudara dengar suara

itu?"

Zahrah: "Ya benar! Saya kenal suara

itu. Suara siulan isyarat dari

abangmu 'Abidūn.. saudara Reḍā

boleh meniru bunyi suara itu

untuk mencubanya". (Zahrah

memanggil Reḍā): "Reḍā.. Reḍā!

di mana awak? Baru sebentar tadi

ia berada di belakang kita."

Aminah: "Tunggu sebentar di sini!

Biar saya pergi mencarinya."

(Suasana menjadi sunyi sepi.

Aminah mencari kawannya sambil

memanggil-manggil namanya dengan suara yang

perlahan kebimbangan): Reḍā...
Reḍā...! Amboi di sini awak

rupanya, mengapa tidak dijawab

penggilan saya? Awak terlalu penat

agaknye?

Reḍā: (Sambil meletakkan jari

telunjuknya kemulut ia berkata):

"His.. s..s.. Jangan

bising! Ini ada sepasang anak

burung merpati yang baru menetas

menunggu kepulangan ibunya."

Amīnah: "Adakah awak menjadi ibu

angkat anak-anak merpati itu,

hingga awak duduk terjelopot¹

seperti ini?"

Reḍā: "Oh ya, awak lihatlah! Ia

keinginan tidur dengan lenyak di atas

tapak tangan saya, setelah saya

suapkan ke mulutnya sedikit

makanan."

Amīnah: "Baguslah... sekarang

tinggalkanlah ia di sini. Marilah

kita pergi menjalankan tugas.

Zahrah keseorangan menunggu

ketibaan 'Abidūn!:

Reḍā: "Alangkah bahagianya kalau saya

menjadi anak-anak burung ini...
hidupnya merdeka, bebas

melakukan sesuatu yang disukainya

di dalam keadaan aman... tidak

mendapat gangguan dari sesiapa,

setelah besar sedikit ia akan

terbang di angkasa, sambil menyanyi

gembira." (Kemudian ia bersiul

perlahan meniru bunyi suara

anak-anak merpati itu). "Nah,

sekarang saya letakkan ia kembali

ke sarangnya, supaya ibunya tidak

marah."

Amīnah: (Kedengaran bunyi rentak kaki

orang berjalan, semakin lama

semakin hampir): "Ha, itu

pun mereka sudah tiba mencari

kita."

¹ ejaan sebenarnya terjelopot

Gugurnya Srikandi...

‘**Abidūn**: “Saya memang kenal peribadi teman kita Reḡā. Ia seorang wanita yang suka mengumpul bunga-bunga yang tumbuh di gunung-gunung.”

Amīnah: “Ya benar, tabiatnya seperti rusa liar.. hidupnya penuh dengan cita-cita mulia... cita-citanya selalu tergambar di dalam rangkapan-rangkapan syair yang digubahnya.”

Reḡā: (menyanyi)

Disambut ramai: “Marilah kita... marilah kita!

Mengingati jasa pahlawan bangsa
Marilah kita.. baharui cita-cita
dengan bersatu berkasih mesra
Lā Lā... Khadījah.

Mari kita ke mercu gunung!
Kita jalani lembah dan gaung
Untuk menuju cita-cita agung
Menegakkan bendera bangsa disanjung
Lā Lā... Khadījah.

Mari kita mencapai awan!
Melontar salji menadah hujan
Sambil memetik bunga-bunga
Membilang bintang menenung bulan
Lā Lā ... Khadījah.

‘**Abidūn**: “Wah, alangkah merdunya suara kamu sekalian! Kalaulah semua kawan-kawan yang di mercu gunung ini ada bersama-sama kita di sini alangkah seronoknya!”

Amīnah: “Kami telah memutuskan azam akan mendaki gunung ini untuk menyaksikan kemuncaknya yang bernama “*Lā Lā... Khadījah*” itu. Kami ada membawa sehelai bendera tentera pembebasan rakyat”. (Sambil ia mengeluarkan sehelai bendera usang dari dalam saku

seluarnya). Bendera ini kami akan serahkan dengan secara rasmi ke tangan ketua kita Shaykh Razaq al-Bashīr untuk dikibarkan pada hari kemenangan kita kelak. Saya fikir hari kemenangan kita itu tidak berapa lama lagi akan tiba.”

Reḡā: (Dengan penuh semangat bertempik): “Ya, akan kita kibarkan bendera itu di atas mercu *Lā Lā... Khadījah*”

‘**Abidūn**: “Tetapi saya menerima perintah dari Pak Razaq al-Bashīr hanya menerima bekal-bekal makanan kemudian kamu disuruh pulang.”

Amīnah: “Tidak kami tidak akan pulang sebelum menyaksikan kemuncak *Lā Lā... Khadījah*! Kami rasa di atas kemuncak gunung inilah kami dapat menghampirkan diri dengan Tuhan dan roh para syuhada yang telah lebih dahulu gugur di medan pertempuran.”

Zahrah: “Kalau tuan tidak mahu membawa kami bersama, kami tidak akan meninggalkan tempat ini, biarlah kami mati di makan oleh binatang-binatang buas.”

‘**Abidūn**: “Apa boleh buat, kalau sudah kemahuan kamu semua tak dapat dicegah, marilah kita mendaki, sekalipun jalan ke sana menempuhi bahaya.”

Reḡā: (Menyanyi lagi):
“Kami tak gentar menghadapi bahaya
meskipun berada di hujung senjata
hutan rimba kami landa
asal sampai tujuan cita-cita.

Mari, kita berjalan!

Lā Lā... Khadījah tempat tujuan.

‘**Abidūn**: (hanya mengeleng-geleng kepala sambil berjalan.

Bersambung



Ketua kaum ibu UMNO Tan Sri Fatimah Hashim turut berucap di dalam Perhimpunan Agung yang ke 21 yang telah diadakan di Pentas Rosman Jalan Klang Kuala Lumpur 14-15 September 1968 yang lalu.